

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

KESERIOUSAN KERAJAAN MADANI PERKASA TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) KEPADA BELIA

Sharir Aizat Kamaruddin
Unit Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Perlis,
Malaysia.

Emel koresponden: shariraizat@uitm.edu.my

Arau – YBhg Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin, Pengarah International Institute of Islamic Thought for East and Southeast Asia (IIIT ESEA) menyampaikan pembentangan beliau di Symposium on Tech Technology: AI's role in shaping the future of Muslim Youth, 2024.

Dalam pembentangannya, beliau menjelaskan keseriusan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam memastikan rakyat di negara ini celik teknologi kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) selari usaha menaikkan taraf hidup rakyat dan ekonomi negara.

"Kerajaan Madani pada hari ini mengambil serius dalam perkembangan teknologi dan bidang AI dengan melakukan pelaburan yang lumayan dan mewujudkan banyak inisiatif seperti Fakulti AI, Hala Tuju Bakat AI Malaysia 2024-2030, dan Konsortium AI Malaysia", katanya.

Beliau juga menyeru warga belia di negara ini untuk menyokong usaha-usaha kerajaan dalam memupuk ilmu pengetahuan teknologi AI terutamanya dalam sektor pendidikan.

"Syarikat-syarikat gergasi berasaskan sains gunaan dan teknologi pada hari ini memerlukan sumber tenaga kerja yang celik AI dan proses menyemai ilmu dan bakat para pelajar sekolah adalah bertepatan dan menjadi salah satu hasrat kerajaan Madani dalam mengejar status negara maju", katanya.

"Negara ini akan ketinggalan dan tidak mampu berdaya saing dalam era ekonomi digital sekiranya manfaat bidang AI tidak dipanjangkan kepada belia hari ini", ujar beliau.

Namun begitu, beliau berharap agar pengguna teknologi AI memanfaatkan kelebihanannya untuk tujuan kebaikan dan tidak mempunyai agenda tersendiri.



“Teknologi AI dan robotik mempunyai banyak faedah seperti membuat keputusan dan pada masa yang sama mempunyai banyak keburukan yang sering kali kita terlepas pandang lalu memberi masalah pada negara jika tidak dibendung dengan segera,” ujarinya.

“Kita melihat hari ini teknologi AI banyak membantu kita menyelesaikan pelbagai masalah kompleks dengan menjimatkan tenaga dan masa dan mampu meningkatkan ekonomi negara, namun AI juga boleh mengundang masalah seperti ketirisan maklumat mencabar undang-undang, mengancam autonomi manusia dan mengganggu privasi individu secara langsung mahupun tidak langsung,” tambahnya.



Gambar 2: Pembentangan daripada YBhg Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin disaksikan oleh para peserta daripada kalangan warga Myanmar dan Malaysia.

“Masa depan penciptaan teknologi AI di Malaysia adalah dengan mengajar belia hari ini untuk menerapkan strategi pandangan jauh dan berhubung secara global namun masih berpusat pada manusia (human-centricity) dan menerapkan nilai-nilai etika”, katanya lagi.

Turut serta dalam pembentangan beliau adalah YBhg Penasihat IIT, East and Southeast Asia, Prof. Emeritus Dr. Dato Wira Jamil Osman; YBrs menjalankan fungsi Rektor UiTM Cawangan Perlis, Prof. Madya Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi; dan YBrs. Ahli Lembaga Pengarah Universiti (ALPU) UiTM, Encik Mustaffa Kamil Ayub.



Gambar 3: YBhg Prof. Dato' Dr Mohamad Fauzan Noordin (tiga dari kanan) bergambar bersama para speaker dan staf UiTM.



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com